

22 MAR 2000

Abdullah - isyarat

ISYARAT TANGAN LUCAH OLEH ADNAN TAK JEJAS PELUANG BN, KATA PAK LAH

MENTAKAB, 22 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata penyebaran gambar Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yakob sedang membuat isyarat tangan lucah oleh Pas tidak akan menjejaskan peluang Barisan nasional dalam pilihan raya kecil Sanggang 1 April ini.

Katanya Adnan bertindak demikian dalam keadaan beliau dimaki-hamun dan diusik begitu keterlaluan oleh penyokong-penyokong Pas yang agresif.

Abdullah berkata beliau sendiri tidak melihat Adnan membuat isyarat itu tetapi apabila mendengar mengenainya beliau bersimpati dengan Adnan.

"Saya tak hairanlah kenapa dia melakukan sesuatu sebagaimana dia telah lakukan," katanya kepada pemberita selepas berceramah di kampung Desa Murni, Kerdu dekat sini malam ini.

Katanya perbuatan itu yang merupakan tindak balas Adnan terhadap isyarat lucah yang serupa oleh penyokong Pas sebelum itu bukanlah sesuatu yang boleh mempengaruhi pengundi.

Ini kerana ada lebih banyak isu yang lebih besar daripada itu yang perlu diberikan perhatian.

Pas hari ini telah menyebarkan gambar-gambar yang menunjukkan Adnan sedang membuat isyarat tangan lucah ditujukan kepada penyokong Pas semasa penamaan calon untuk pilihan raya kecil Sanggang di Temerloh semalam.

Gambar-gambar itu dikatakan telah diedar pagi ini melalui Internet.

Sementara itu, Adnan ketika memberi penjelasan berkata beliau membuat isyarat lucah itu dalam keadaan apa yang orang anggap "provokasi yang tiba-tiba".

"Saya balas balik sebab cara menangani orang yang kurang ajar ialah dengan kurang ajar juga," katanya.

Katanya beliau sendiri akan melihat gambar-gambar itu dari Internet untuk dibuat salinan bagi diedarkan kepada orang kampung semasa memberi penjelasan mengenai kempen kasar Pas terhadap BN yang memaksa beliau bertindak demikian.

Beliau yang diberi tepukan oleh Abdullah, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan orang ramai selepas membuat penjelasan itu berkata "kita kena tengok keadaan bagaimana gambar itu jadi begitu."

Menurutnya para penyokong Pas yang termasuk penyokong DAP dan parti Keadilan Nasional yang berhimpun di luar dewan penamaan calon telah mengeluarkan kata-kata kesat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mencerca BN dengan kata-kata "mampus Barisan" dan "hancur Barisan" serta "Adnan Samseng".

"Pada mulanya saya diam dan masih senyum kepada mereka sehinggalah seorang daripada penyokong Pas itu menunjukkan isyarat lucah kepada saya," tambahnya.

--BERNAMA

MNY RI